

Rakyat akan pilih BN — PM

UM 29 NOV 1999

Oleh
MOHD. KAMIL YUSUFF

JITRA 28 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menengulangi keyakinannya rakyat negara ini adalah bijak dan akan memilih kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi meneruskan pentadbiran negara berdasarkan rekod parti itu yang cemerlang dan diiktiraf seluruh dunia.

Perdana Menteri menegaskan, negara-negara dunia ketiga dan negara-negara maju tidak dapat mengelak daripada mengakui Malaysia maju dan berjaya mengawal keamanan negara walaupun penduduknya terdiri dari pelbagai bangsa, kaum, agama dan budaya.

Dalam perutusan khas pilihan raya yang disiarkan secara langsung oleh RTM, Dr. Mahathir menegaskan, undi rakyat dalam pilihan raya adalah penting bagi membentuk kerajaan yang mampu melaksanakan segala janji di samping membangun dan memajukan negara.

“Kita percaya bahawa rakyat akan mengundi BN kerana BN mempunyai rekod yang cemerlang dan diiktiraf oleh dunia,” katanya di bilik mesyuarat Jabatan Kerja Raya (JKR) Kubang Pasu, dekat sini hari ini.

Perdana Menteri juga memberikan fakta-fakta bagi menunjukkan kemajuan negara berbanding dahulu, termasuk pendapatan perkapita rakyat semasa mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sebanyak AS\$300 yang meningkat 12 kali ganda kepada AS\$3,800.

Kemajuan

“Tetapi oleh kerana bangunan di Malaysia begitu mahal, sebenarnya AS\$3,800 sama dengan AS\$8,000,” ujarnya sambil memberitahu inilah kemajuan yang telah dicapai oleh negara ini.

Dari segi agama pula, kata Dr. Mahathir, selain mengamalkan kebebasan beragama, kerajaan tidak memaksa orang bukan Islam menerima kehendak agama Islam.

“Itulah sebabnya saya

berpendapat rakyat tentulah bijak memilih BN kerana kita mempunyai banyak lagi rancangan dan idea-idea baru untuk membangunkan negara supaya pada tahun 2020 kita akan menjadi negara maju,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan yakin semua itu boleh dicapai kerana kerajaan telah memperlihatkan kebolehan melaksanakan pelbagai rancangan di samping memulihkan ekonomi tanpa meminta pertolongan negara lain.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin BN akan menang di kesemua negeri termasuk Kelantan dalam pilihan raya umum yang akan berlangsung esok.

Beliau juga yakin parti itu akan mendapat majoriti dua pertiga kerusi Parlimen bagi membentuk kerajaan yang kuat dan meneruskan projek-projek pembangunan untuk rakyat.

“Saya yakin kita akan mendapat kemenangan di kesemua negeri termasuk

Kelantan yang kini mempunyai peluang lebih 50 peratus (untuk menang).

“Jadi kita patut menang di kesemua negeri, dan di peringkat Persekutuan (Parlimen), kita fikir akan mendapat majoriti dua pertiga,” ujarnya.

Menurutnya lagi, jika BN tidak dapat meraih dua pertiga majoriti, ia bukan kegagalan kerana sesuatu yang lebih daripada 50 peratus tidak boleh disifatkan sebagai gagal.

Majoriti

“Tetapi undi untuk parti adalah penting bagi kerajaan supaya menjadi lebih kuat untuk meneruskan pelbagai projek pembangunan. Jika kita lemah, akan wujud lebih banyak perbincangan dan tidak ada kerja yang dapat dilakukan.

“Banyak berlaku di beberapa buah negara, anggota-anggota kerajaan menyertai pembangkang untuk keuntungan peribadi dan bukannya kepentingan negara,” ujarnya.